

Ruj. Kami : dlm LPKM 7/01/02 Jld.5

Tarikh : 24 Februari 2022

**Semua Persatuan Industri Kayu
Semua Pengeksport dan Pembekal Kayu**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENDAFTARAN AKTIVITI PEDAGANG (T/T) SECARA PENTADBIRAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) MTIB Bil. 2/2022 pada 7 - 9 Februari 2022 telah **meluluskan penguatkuasaan pendaftaran aktiviti pedagang (T/T) secara pentadbiran.**

3. Pendaftaran aktiviti pedagang (T/T) secara pentadbiran ini merangkumi skop pedagang seperti berikut:

- i. **Pemindah kayu** dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak;
- ii. Syarikat yang mendapat **insentif/bantuan** daripada MTIB atau MTC;
- iii. Syarikat yang menjalankan aktiviti **mengilang**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri; dan
- iv. Syarikat yang menjalankan aktiviti **membeli**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri.

4. Bersama-sama ini dilampirkan **Rasional dan Mekanisma Pelaksanaan Pendaftaran Pedagang (T/T)** untuk perhatian dan tindakan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh hubungi Seksyen Pendaftaran:

1 / 5

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN

NAMA PEGAWAI	TALIAN MTIB: 03-92822235	EMEL
Puan Norpaezah Mohd Dahalan	Samb: 1337	norpaezah@mtib.gov.my
Puan Syaidatul Nadia Hussin	Samb: 1293	nadia@mtib.gov.my
Encik Muhammad Zarif Jasni	Samb: 1375	zarif.jasni@mtib.gov.my

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


HAJI MAHPARATAN
Ketua Pengarah MTIB

Lampiran:

s.k :

- i) Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf
No. 15, Aras 6 -13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 **PUTRAJAYA**
(u.p : Dr. Pubadi a/l Govindasamy, Setiausaha Bahagian Kanan)
- ii) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iii) Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersial)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iv) Pengarah-Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- v) Semua Ketua Wilayah/ Negeri MTIB



RASIONAL DAN MEKANISMA PELAKSANAAN PENDAFTARAN AKTIVITI PEDAGANG (T/T)

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan rasional dan mekanisma pendaftaran aktiviti pedagang (T/T) secara pentadbiran.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Tatacara, tafsiran di bawah merujuk kepada tafsiran subseksyen 2(1) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105] hendaklah diikuti:

“pedagang” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan menjual, memperdagangkan, mengagih atau memasarkan kayu bagi maksud pasaran dalam negeri”

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Pendaftaran bagi aktiviti pedagang adalah berdasarkan seksyen 13(1)(f), Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105] iaitu pindaan pada tahun 2011 telah menambah peruntukan di bawah seksyen yang sama berhubung larangan menjalankan aktiviti perkayuan kepada pedagang tanpa berdaftar di bawah Akta ini.

3.2 Penguatkuasaan pendaftaran secara pentadbiran sangat perlu bagi mengelakkan aktiviti penipuan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menawarkan harga tidak munasabah.

3.3 MTIB menguatkuasakan pendaftaran pedagang secara pentadbiran berdasarkan justifikasi berikut:

- a) Untuk memantau aspek legaliti perdagangan kayu dalam negara;
- b) Mengawalselia aktiviti pedagang melalui pendaftaran dan penguatkuasaan; dan

- c) Mengelakkan aktiviti penipuan syarikat yang mengambil kesempatan terhadap pembeli.
- 3.4 Cadangan ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) MTIB Bil. 2/2022 yang diadakan pada 7 - 9 Februari 2022.

4.0 SKOP PENDAFTARAN PEDAGANG (T/T)

- 4.1 Keperluan pendaftaran sebagai pedagang T/T dan perincian adalah seperti berikut:
- a) Aktiviti **pemindah kayu** dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak;
 - b) Syarikat yang mendapat **insentif/ bantuan** daripada MTIB atau MTC;
 - c) Syarikat yang menjalankan aktiviti **mengilang**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri; dan
 - d) Syarikat yang menjalankan aktiviti **membeli**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri.
- 4.2 Syarikat yang telah **berdaftar** sebagai pengeksport (T/E), pembekal (T/S) atau kedua-duanya sekiranya melaksanakan aktiviti pedagang seperti di perenggan 4.1, perlu **menambah aktiviti pendaftaran** sebagai pedagang (T/T).
- 4.3 **Tiada Fi Pendaftaran** aktiviti pedagang secara pentadbiran dikenakan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

5.0 PANDUAN PERMOHONAN DAN SYARAT PENDAFTARAN AKTIVITI PEDAGANG (T/T)

- 5.1 Pendaftaran Baharu
- a) Melengkapkan Borang Permohonan dan Surat Perakuan Sumpah
 - b) Pendaftaran syarikat/ perniagaan dengan SSM yang masih sah (tidak digulungkan)
 - c) Salinan 'Memorandum and Articles of Association' (M&A) atau Perlembagaan ("*Constitution*")

- d) Salinan Borang 24 } atau hasil carian profil syarikat melalui sistem
- e) Salinan Borang 49 SSM e-info
- f) Salinan Penyata Jualan Tahunan atau Salinan Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan terkini (berturut-turut) yang disahkan pada tahun semasa
- g) Salinan lesen kilang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan/MIDA/ KASTAM/Agensi Kerajaan yang lain
- h) Surat sokongan bekalan dari syarikat yang berdaftar dengan MTIB (jika tiada kilang – tertakluk kepada produk Apendiks A sahaja)

5.2 Pembaharuan Pendaftaran

- a) Melengkapkan Borang Permohonan dan Surat Perakuan Sumpah
- b) Pendaftaran syarikat/ perniagaan dengan SSM yang masih sah (tidak digulungkan)
- c) Salinan lesen kilang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan/MIDA/ KASTAM/Agensi Kerajaan yang lain (jika ada pengemaskinian).
- d) Salinan Penyata Jualan Tahunan atau Salinan Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan terkini (berturut-turut) yang disahkan

5.3 Borang, surat dan semua salinan dokumen hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
 Level 13-17, Menara PGRM, No 8 Jalan Pudu Ulu,
 56100 Cheras, Kuala Lumpur.
 (u.p: Seksyen Pendaftaran, Bahagian Pelesenan & Inspektorat)

5.4 Borang permohonan pendaftaran boleh diperolehi di laman web MTIB www.mtib.gov.my.

6.0 TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Permohonan pendaftaran dibuka bermula dari 1 Mac 2022 dan penguatkuasaan pendaftaran aktiviti pedagang (T/T) secara pentadbiran akan **berkuat kuasa mulai 1 April 2022**.